



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

16 Februari 2016

## **Kenyataan Media Berhubung Dakwaan Palsu Kenyataan Tan Sri Bakke Salleh Di PAC Yang Disebarkan Di Laman Sosial**

Sebagai Pengerusi PAC, saya mengambil maklum dan kesal dengan maklumat yang salah disiarkan media dan laman sosial, yang telah membuat dakwaan palsu berhubung dengan apa yang dikatakan ketika sesi pendengaran Tan Sri Bakke Salleh, mantan Pengerusi 1MDB di PAC pada 11 Februari 2016 dihadapan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara.

Saya boleh mengesahkan bahawa Tan Sri Bakke tidak pernah menyatakan, pada bila-bila masa, yang dana 1MDB telah dipindahkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri. Fakta ini adalah konsisten dengan pengesahan berulang kali kepada umum yang dikeluarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara mengenai perkara ini.

PAC adalah jawatankuasa Parlimen yang bi-partisan, yang terdiri daripada ahli-ahli Parlimen yang berpengalaman dari pihak kerajaan dan pembangkang. Ia sedang menyiasat perkara 1MDB secara profesional dan telus, berdasarkan bukti berdokumen, temu bual saksi dan hasil daripada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara.

Kesimpulan daripada PAC akan menjadi satu rekod awam. Oleh itu, kami menyeru kepada semua pihak untuk menghentikan spekulasi yang tidak perlu dan menunggu laporan rasmi PAC yang akan dibentangkan kepada Parlimen pada Mac 2016.

Yang Berhormat Dato' Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia